

Enche Kamardin

11.9.71.

*Put all there in
my speech file. H 13/9.*

*Ucapan: ADHO
497*

116/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche
Hussein Onn, merasmikan pembukaan Sekolah
Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris),
Jalan Padang Tembak (Satu dan Dua),
Kuala Lumpur, pada 11hb. September, 1971
jam 9.30 pagi.

Yang Mulia Tuan Pengerusi Lembaga Pengurus,
Ahli2 Lembaga Pengurus, Ibu2 bapa, tuan2 dan
puan2, guru2 juga murid2 sekalian.

Terlebeh dahulu, saya ucapkan berbanyak2
terima kaseh kepada pihak sekolah ini, kerana menjemput saya
dan isteri saya ka-Majlis yang bersejarah pada hari ini,
dan memberi peluang kepada saya menyampaikan sapatah
dua kata serta saterus-nya merasmikan bangunan sekolah
ini.

Tuan2 dan puan2 sedia maalum, bahawa, sekolah
ini telah di-mulakan pada tahun 1965 dengan 298 orang
murid dan 10 orang guru sahaja, dengan chara menumpang
di-Sekolah2 Rendah dan Menengah Polis Depot. Bangunan
sekolah ini telah dapat di-sediakan pada 7hb. Februari,
1969 dengan harga sabanyak \$209,453/-. Pada tahun itu
juga, ia-nya telah di-bahagikan kepada dua, ia-itu Sekolah
Satu dan Sekolah Dua di-bawah jagaan dua orang Guru
Besar. Pada tahun 1971, kedua2 sekolah yang menggunakan
bangunan yang sama ini, ada menampung kira2 2,250 orang
murid dengan 61 orang guru.

2/...

Oleh sebab letak sekolah ini sangat berhampiran dengan Kawasan Polis Depot dan Kawasan Kementerian Pertahanan, di-dapati lebih kurang 82 peratus daripada murid2 di-kedua2 sekolah ini, adalah daripada keturunan Melayu, dan yang lain-nya daripada keturunan2 China, India dan Serani. Kebanyakan murid2 adalah anak2 pegawai2 polis dan pegawai2 tentera. Tetapi bilangan guru2 di-dua buah sekolah ini chuma mempunyai 59 peratus yang berketurunan Melayu, dan 41 peratus daripada mereka yang lain ialah daripada kaum2 China dan India.

bahwa
Ini adalah bermaana/ sekolah ini ada mempunyai
murid2 dan guru2 yang datang daripada berbagai2 kaum.
Saya gemar melihat *bahwa* /sekolah ini telah berjalan dengan baik dalam keadaan yang aman dan tenteram. Guru2-nya dan murid2-nya juga senantiasa bekerjasama dan berhubung rapat untok berkhidmat dan membuat kemajuan bagi negara *kita* ~~Malaysia~~ yang sama2 kita chintai.

Perkembangan sekolah ini adalah sangat pesat dari segi bilangan murid2 dan bilangan guru2. Pertambahan bilangan kanak2 sekolah yang bagini chepat sabenar-nya berlaku di-beberapa buah bandar besar di-negara kita ini, terutama sekali di-Ibu Kota, dan ini membawa bersama2-nya berbagai2 masaalah yang rumit. Satu daripada masaalah

besar ialah, mengadakan tempat2 yang cukup di-sekolah2 untuk kanak2 itu, dan ini memang dapat dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Tetapi, yang lebih merumitkan lagi keadaan ialah, ramai ibu2 bapa berkehendakkan sekolah2 yang tertentu sahaja untuk anak2 mereka, walau pun ada sekolah2 lain yang sama jenis-nya dan sama bahasa pengantar-nya, terletak lebih dekat dengan rumah2 mereka.

Mithal-nya, ada sekolah2 rendah jenis kebangsaan Inggeris yang lebih berhampiran dengan rumah ibu bapa, tetapi tidak di-pilih oleh mereka, dan ada sekolah2 kebangsaan yang berhampiran dengan sekolah2 Inggeris yang di-sukai, juga tidak di-pilih oleh mereka, walau pun sabagaimana yang tuan2 dan puan2 sedia maalum, mulai dari tahun 1970, semua sekolah2 rendah jenis kebangsaan Inggeris menggunakan Bahasa ^{Kebangsaan} Malaysia sebagai bahasa pengantar-nya di-Darjah Satu.

Oleh itu, saya suka menggunakan peluang ini, untuk menyeru kepada ibu2 bapa sekalian supaya, sebolehnya menghantar anak2 mereka ke-sekolah2 yang berhampiran dengan rumah2 mereka, yang menggunakan bahasa pengantar yang mereka pilih. Saya juga menyeru pihak2 sekolah yang kurang popular itu supaya, berusaha dan bekerja lebih giat lagi, agar semua sekolah akan menjadi sama sahaja mutu-nya pada pandangan ibu bapa sekalian.

Dari segi jangka panjang, saya rasa adalah lebih menguntungkan, jika ibu bapa yang memilih sekolah2 rendah jenis kebangsaan Inggeris, memasokkan anak2 mereka ka- sekolah2 kebangsaan yang berhampiran, kerana ini akan dapat mengujudkan muhibbah dengan lebih luas lagi, di- kalangan murid2 antara kaum di- sekolah2 tersebut, dengan ibu2 bapa dan penjaga2 sekolah yang dudok di- sekeliling- nya.

Tuan2 dan puan2, sekarang kehidupan kita berdasarkan pada prinsip2 Rukunegara. Sebagai pendidik, guru2 mempunyai tanggung-jawab yang besar, untuk menyemaikan prinsip2 ini di- dalam jiwa anak2 kita. Tetapi, sebelum ini dapat di- lakukan, guru2 sekalian mestilah terlebih dahulu memahami dan seterusnya mempraktikkan prinsip2 itu, kerana murid2 mengharapkan bimbingan, tunjok ajar dan contoh- tauladan yang baik daripada ~~daripada~~ mereka. Apa yang di- ajarkan, tidak akan berkesan jika pengajar sendiri tidak mengamalkan perkara2 itu, lebih2 lagi jika tingkah laku beliau bertentangan dengan apa yang beliau ajarkan kepada murid2 itu. Oleh itu, saya menyeru guru2 sekalian supaya mengambil perhatian yang berat terhadap perkara ini, dan mendidik anak2 kita dengan jujur. Saya menggesa semua murid2 supaya belajar dengan bersungguh2, dan patuh kepada peratoran2 sampai mereka dapat jadi warganegara2 yang bertanggung-jawab pada masa hadapan.

Saya sukachita mendapat tahu bahawa, ramai daripada murid2 Sekolah Rendah Jalan Padang Tembak ini, telah berjaya mendapat beberapa tempat untok menyambong pelajaran mereka di-Sekolah2 Menengah yang ulong di-Kuala Lumpur. Pilehan masok kasekolah2 tersebut, adalah berdasarkan keputusan pepereksaan yang chemerlang dalam Darjah2 Lima dan Enam. Kejayaan2 ini adalah menggambarkan betapa tekun dan usaha yang bersungguh2 oleh guru2 sekolah ini, untok mendapatkan kejayaan2 yang sangat di-hargai. Saya yakin dengan ada-nya kerjasama di-antara guru2, ibu2 bapa dan kanak2 sendiri, kejayaan2 yang sangat di-banggakan itu, akan lebeh banyak lagi dapat di-chapai terus menerus pada masa akan datang bagi kebahagiaan anak2 kita.

Kejayaan2 dalam bidang2 kesenian muzik dan kesenian lukisan yang di-menangi oleh murid2 sekolah ini, adalah juga sangat menggalakkan. Sa-orang murid, Abdul Razak bin Abdul Rahman, dengan seruling-nya, telah berjaya memenangi kejohanan Bakat2 TV yang di-anjorkan oleh Radio dan Talivishen Malaysia bagi seluroh negara, dan baru2 ini, beliau telah berjaya menunjukkan kehandalannya di-luar negeri. Dalam pertandingan Lukisan Poster Menchegah Buta, anjoran Kementerian Pelajaran perengkat Negeri Selangor, saorang murid, Mohd. Ridzuan bin Abdul Rahim, telah berjaya memenangi tempat yang pertama

di-seluruh Negeri Selangor, dengan karya-nya yang sangat menarek hati. Sabagai kesimpulan-nya, saya sukachita melihat Sekolah Rendah ini, telah ada banyak mengeluarkan murid2 yang mempunyai minat2 yang teristimewa di-bidang sukan dan lain2, dan juga bakat2 yang dapat di-lateh untok kejayaan2 dan kemajuan yang lebeh besar bagi nama baik negara kita.

Saya ingin menguchapkan terima kaseh dan tahniah kapada semua pihak yang telah berusaha memajukan sekolah ini. Saya rasa sekolah ini, walau pun terlalu muda usia-nya, telah banyak menchapai kejayaan dalam berbagai2 lapangan, khas-nya pelajaran dan sukan. Kejayaan ini tentulah hasil kerjasama yang erat, di-antara pihak2 yang berkenaan, ia itu Lembaga Pengurus, Guru Besar dan Guru2, ibu2 bapa dan murid2 sekalian. Saya yakin bahawa, jika kerjasama dan usaha yang baik ini dapat di-teruskan dan di-perluaskan lagi, sekolah ini akan beroleh kejayaan2 yang lebeh banyak dan lebeh chemerlang lagi, pada masa2 yang akan datang.

Akhir-nya, saya dengan segala sukachita-nya merasmikan/^{pembukaan} bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris (Satu dan Dua), Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur.

~~Terima kaseh.~~

